

# Cabaran Ibu Bapa dalam Pemilihan Pendidikan untuk Kanak-Kanak Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD)

*(Parental Challenges in Selecting Education for Children with Autism Spectrum Disorder (ASD))*

Nur Atiqah Zulkarnain<sup>1</sup>, Kamariah Abu Bakar<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [kamariah\\_abubakar@ukm.edu.my](mailto:kamariah_abubakar@ukm.edu.my)

Received: 3 January 2026 | Accepted: 1 April 2026 | Published: 15 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.3.7>

---

**Abstrak:** *Pemilihan pendidikan untuk kanak-kanak Kanak-kanak kecelaruhan Autisme (ASD) merupakan proses yang kompleks dan sering dipengaruhi oleh cabaran pengurusan keperluan harian anak serta kesesuaian dengan sistem pendidikan sedia ada. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi ibu bapa sepanjang proses membuat keputusan pendidikan bagi anak ASD di Malaysia. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam bersama tiga orang ibu yang mempunyai anak ASD yang sedang atau pernah melalui proses pemilihan institusi pendidikan. Dapatan kajian mendedahkan empat faktor utama yang mempengaruhi keputusan ibu bapa: fasa penafian awal diagnosis, tahap sokongan pasangan, ketersediaan pengetahuan mengenai ASD, serta sikap dan tingkah laku anak itu sendiri. Implikasi kajian ini diharap dapat memberi maklumat berguna kepada pelbagai pihak berkepentingan seperti pendidik, penggubal dasar, pengurus institusi pendidikan, dan komuniti dalam merangka sokongan yang lebih holistik, sistematik dan responsif terhadap keperluan unik keluarga yang membesarkan anak ASD.*

**Kata Kunci:** Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD), Pemilihan Pendidikan, Pengalaman ibu bapa, Pendidikan khas

**Abstract:** *The selection of education for children with Autism Spectrum Disorder (ASD) is a complex process often influenced by challenges in managing the child's daily needs and compatibility with the existing education system. This qualitative study aims to explore the challenges faced by parents throughout the decision-making process regarding educational placement for children with ASD in Malaysia. Data were collected through in-depth interviews with three mothers of children with ASD who have undergone or are undergoing the process of selecting an educational institution. The findings reveal four main factors influencing parental decisions: the initial phase of denial following diagnosis, the level of spousal support, the extent of knowledge about ASD, and the child's own behavior and attitude. It is hoped that the implications of this study will provide valuable insights for various stakeholders including educators, policymakers, educational institution administrators, and the wider community in designing more holistic, systematic, and responsive support systems tailored to the unique needs of families raising children with ASD.*

**Keywords:** Autism Spectrum Disorder (ASD), Choosing education, Parental experience, Special education

---

## 1. Pendahuluan

Setiap kanak-kanak berhak mendapat peluang pendidikan yang adil, saksama dan berkualiti, tanpa mengira latar belakang atau keupayaan. Ini adalah kerana pendidikan merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembangunan seseorang individu iaitu kanak-kanak dan masyarakat. Namun, situasi berbeza bagi kanak-kanak yang telah didiagnosis dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD) iaitu satu kecelaruhan yang menyebabkan kanak-kanak ASD mengalami kesukaran dalam berinteraksi secara sosial yang mengakibatkan mereka mengalami cabaran dalam mendapatkan pendidikan yang sesuai. Kanak-kanak ASD bermula dari usia prasekolah menghadapi kesukaran dalam tingkah laku, sosial-emosi secara sihat, dan minat dalam melakukan aktiviti terhad dan berulang-ulang (2025 American Psychological Association, 2023).

Data statistik oleh (Department of Statistics Malaysia, 2024) menunjukkan peningkatan jumlah kanak-kanak ASD di pendidikan khas sekolah rendah sebanyak 17.5%. Kajian Niza Shair et al., 2024 melaporkan kadar ASD dalam kalangan kanak-kanak meningkat dengan nisbah ketara daripada 6.34 setiap 1000 kanak-kanak pada 2018 kepada 9.29 setiap pada 2022. Oleh kerana itu, pendidikan untuk kanak-kanak ASD adalah lebih kompleks dan memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak termasuk ibu bapa. Pendidikan khas untuk kanak-kanak berkeperluan khas telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia pada tahun 1962 dan pada tahun 1988. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memulakan kelas perintis untuk murid-murid peringkat rendah bermasalah pembelajaran dan seterusnya ke seluruh negara. Ianya khusus untuk kanak-kanak yang kurang upaya dari sudut fizikal dan kekurangan keupayaan dari segi mental. Kini, pendidikan khas telah dimasukkan dalam sistem pendidikan di sekolah-sekolah selain daripada penyediaan perkhidmatan oleh pengusaha tadika swasta. Program pendidikan khas juga telah dirangka dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meningkatkan akses dan kualiti pendidikan bagi kanak-kanak ASD untuk melahirkan murid yang cemerlang dengan pendidikan yang tidak mendiskriminasi atas kekurangan mereka. Pusat terapi yang menyediakan terapi pekerjaan boleh membantu kanak-kanak ASD dalam memperbaiki kemahiran deria mereka, membantu mereka membina hubungan, boleh menggunakan pergerakan tubuh dan objek, meningkatkan kemahiran bahasa dan kemahiran sosial; dan pengurusan diri (Jaicks, 2024). Oleh itu, pendidikan khas dirangka untuk kanak-kanak yang mengalami kekurangan upaya neurobiologikal seperti ASD agar boleh menerima pendidikan. Namun, persoalan di sini bagaimana pendidikan kanak-kanak ASD yang bersesuaian dipertimbangkan oleh ibu bapa dalam memilih pilihan pendidikan yang sedia ada?

Di dalam laporan, kemudahan untuk akses kepada pendidikan awal membimbangkan dengan kadar enrolmen prasekolah 71%, iaitu lebih rendah daripada matlamat iaitu 87% purata kebangsaan (United Nations Children's Fund, 2024). Terdapat kurang sokongan pendidikan untuk ibu bapa dalam pendidikan untuk kanak-kanak ASD yang kurang sumber sokongan inklusif (Hasson et al., 2024). Cabaran adalah halangan yang dihadapi setiap hari oleh ibu bapa yang lahir dari dalaman ibu bapa itu sendiri. Dengan kesedaran tentang ASD yang semakin meluas, adakah terdapat bentuk cabaran baru yang boleh menjadi menyumbang kepada pengaruh keputusan pendidikan. Melalui kajian bereka bentuk kualitatif generik bertujuan untuk eksplorasi dari kaca mata dan sudut pandangan ibu bapa dalam konteks pemilihan pendidikan yang sering dipengaruhi oleh faktor dan cabaran dalam membesarkan anak ASD.

## 2. Kajian Literatur

Kajian literatur mengenai pemilihan pendidikan oleh ibu bapa boleh difahami dengan teori Pembelajaran Sosial (SLT) oleh Albert Bandura. Cabaran sentiasa berlaku dari sumber dalaman seperti tekanan emosi atau “distorted cognitive” iaitu pemikiran negatif atau tidak tepat yang menjadi halangan mencapai matlamat (Bandura, 1997). Dalam konteks pemilihan pendidikan untuk kanak-kanak ASD, cabaran adalah halangan yang dihadapi oleh ibu bapa setiap hari yang lahir dari dalam diri mereka itu sendiri. Dapatan kajian (Suhaimi, 2021) mendapati bapa berhadapan dengan masalah daripada aspek emosi, kewangan, stigma masyarakat terhadap ASD. Ibu bapa atau keluarga kanak-kanak ASD menghadapi banyak cabaran termasuk tekanan dalam cuba untuk memahami selain menjadi ibu bapa yang baik untuk kanak-kanak ASD (Smith & McQuade, 2021). Dalam mengatasi halangan yang dihadapi, ibu bapa kanak-kanak ASD perlu mempunyai kesihatan mental yang baik selain daripada kekuatan fizikal (Seeridaram & Mohd Rashid, 2023). Dapatan (Zulkefli et al., 2024) mendapati ibu bapa yang berfikiran positif dan bersikap lebih terbuka selalunya lebih bermotivasi untuk melakukan apa saja bagi menyokong pembelajaran kanak-kanak ASD. Menjaga kanak-kanak ASD boleh menyebabkan ibu bapa berasa terasing dan berasa kesunyian dalam menghadapi cabaran ini secara bersendirian (Ismail et al., 2025).

Selain itu, ibu bapa menyatakan terdapat kesukaran memahami maklumat yang mereka peroleh sendiri atau daripada sumber yang ada dan ingin mengakses maklumat mengenai ASD secara positif (Valderrama et al., 2020). Pengetahuan orang awam mengenai pertuturan, bahasa, pendidikan inklusif, serta fakta berkaitan ASD masih terhad (HUI et al., 2021). Tanpa panduan, maklumat yang diperolehi sukar difahami dan ditentukan hala tuju. Ibu bapa kanak-kanak ASD akan merasa tertekan dan risau tanpa perancangan komprehensif mengenai ASD dan ianya boleh menyebabkan ibu bapa berasa usaha menjadi sia-sia (Zulkefli et al., 2024). Disebabkan kekurangan pendedahan mengenai ASD, ibu bapa mungkin berasa terbeban dan hilang hala tuju. Terdapat jurang pengetahuan dalam komuniti mengenai ASD (Barik et al., 2024). Ibu bapa juga berasa dipersalahkan dan dinilai kerana sikap buruk kanak-kanak ASD (Deguchi et al., 2021). Persepsi ibu bapa mengenai kesan ASD terhadap kualiti hidup mereka (QoL) dikaitkan secara negatif dengan sikap luar biasa anak mereka (Vernhet et al., 2022). Dapatan (Salleh et al., 2022) menyatakan perkara hampir sama dengan ibu bapa berasa disalahkan dan dinilai kerana sikap kanak-kanak ASD.

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka pengalaman ibu bapa dalam membuat keputusan pendidikan untuk anak-anak ASD di Malaysia. Pengalaman ibu bapa yang berperanan sebagai penjaga utama kanak-kanak ASD membentuk sikap mereka terhadap pilihan pendidikan yang ada diikuti dengan cabaran dan persepsi yang boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat. Persoalan kajian yang ingin dikaji adalah:

- a) Apakah pengalaman ibu bapa di Malaysia dalam membuat keputusan pendidikan untuk kanak-kanak ASD?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa semasa membuat keputusan pendidikan kanak-kanak ASD?

Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak ASD, pengalaman dan cabaran boleh mendorong dan mempengaruhi ibu bapa dalam menentukan pendidikan kanak-kanak ASD yang mereka percaya sesuai dengan keadaan semasa keluarga. Walaupun kesedaran tentang ASD semakin meningkat dan meluas dengan jaringan media sosial dan informasi di atas talian namun adakah ibu bapa kini masih lagi menghadapi kesukaran dalam memilih pendidikan kanak-kanak ASD.

Kajian literatur menunjukkan kajian-kajian lepas yang mencerminkan permasalahan yang dihadapi dari masa ke masa dan ianya memberikan gambaran kemungkinan masalah yang hampir sama dilalui oleh ibu bapa dalam pemilihan pendidikan untuk kanak-kanak ASD.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang bertujuan untuk meneroka pengalaman ibu bapa terhadap faktor yang diambilkira dan cabaran yang mereka hadapi semasa proses melakukan pemilihan pendidikan untuk kanak-kanak ASD. Instrumen yang digunakan adalah protokol temu bual. Data dianalisis secara induktif bermula dari perkara khusus kepada tema umum, dan pengkaji melakukan interpretasi terhadap makna data tersebut (Creswell, 2009). Ia menggalakkan pengkaji untuk mendalami data dan mengenal pasti tema serta pola yang tersirat, sekaligus melangkaui pendekatan deskriptif konvensional (Naeem et al., 2023). Sampel kajian terdiri daripada 3 orang ibu kanak-kanak ASD di wilayah Selangor yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Mereka mempunyai pengalaman langsung dengan anak ASD justeru mampu memberikan data yang kaya dan diperlukan kajian. Terdapat beberapa kriteria dalam persampelan iaitu ibu bapa yang mempunyai anak ASD yang berumur antara 4 hingga 9 tahun, telah didiagnos sebagai kanak-kanak ASD dan kini menerima pendidikan atau terapi di sekolah atau institusi berdaftar. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah disahkan oleh pakar yang merupakan pensyarah di sebuah universiti awam di Malaysia dan merupakan pengurus pusat intervensi ASD di Selangor. Temu bual dirakam secara audio dan transkrip dilakukan untuk tujuan pengekodan dan dapatan tema.

### 4. Dapatan

Seramai 3 orang ibu kanak-kanak ASD telah bersetuju untuk menyertai kajian ini. Anak mereka adalah kanak-kanak ASD yang telah disahkan menghidapi ASD dan kini sedang mengikuti program persekolahan prasekolah dan terapi. Kesemua responden menetap di Selangor. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden bagi kajian ini.

**Jadual 1: Latar belakang responden**

Responden	P2	P3	P4
<b>Asal</b>	Selangor	Selangor	Selangor
<b>Jantina</b>	Perempuan	Perempuan	Perempuan
<b>Kaum</b>	Melayu	Melayu	Melayu
<b>Umur</b>	30-an	30-an	20-an
<b>Keadaan anak</b>	Anak ASD non-verbal	Anak ASD non-verbal	Anak ASD + ADHD
<b>Anak kini</b>	Tadika + terapi	Pendidikan khas + terapi	Pendidikan arus perdana
<b>Latar belakang pendidikan</b>	Ijazah Sarjana Muda	SPM	Sijil

Responden P2 merupakan seorang ibu kepada seorang kanak-kanak ASD yang kini berumur 4 tahun. Responden berlatar belakang pendidikan lepasan Ijazah Sarjana Muda dan kini berkhidmat sebagai guru. Keadaan anak beliau disahkan menghidapi ASD dan sehingga kini tidak boleh bertutur dan dinyatakan oleh responden sebagai non-verbal. Semasa ditemu bual, anaknya sedang mengikuti program tadika dan pada masa yang sama menjalankan terapi cara kerja di sebuah institusi.

Responden P3 adalah seorang ibu kepada kanak-kanak ASD yang kini berumur 8 tahun. Latar belakang pendidikan responden adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan merupakan suri rumah sepenuh masa. Keadaan anak beliau disahkan menghidapi ASD seawal 2 tahun dan non-verbal seperti dinyatakan oleh responden. Anaknya baru memulakan persekolahan pada umur 7 tahun dan kini berada di dalam program pendidikan khas, diikuti dengan susulan terapi di sebuah institusi.

Responden P4 adalah seorang ibu kepada seorang kanak-kanak ASD yang berumur 7 tahun. Latar belakang pendidikan responden adalah lepasan Sijil dan kini berkhidmat di sebuah pusat perubatan di Selangor. Keadaan anak beliau disahkan ASD pada umur 5 tahun dengan ciri-ciri ADHD dan berupaya bertutur dan belajar. Kini, anaknya bersekolah di sebuah sekolah awam di Selangor di dalam aliran arus perdana.

Setiap responden mempunyai latar belakang yang berbeza namun mempunyai kriteria yang sama iaitu mempunyai anak yang telah disahkan ASD oleh doktor pakar. Penerangan ini diharap dapat memberikan gambaran tentang seting kajian serta perspektif terhadap data didapati. Melalui temu bual yang dijalankan dapatan kajian menemukan empat tema yang muncul sebagai cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa.

### **Tema 1: Penafian**

Dapatan pertama adalah penafian ibu bapa tentang keadaan kanak-kanak ASD dan kesukaran untuk menerima. Penafian berlaku setelah anak disahkan ASD dan ini boleh menyukarkan bantuan sokongan sesuai serta intervensi awal yang akan diberikan kepada kanak-kanak ASD.

*“Bila doktor sahkan ASD, kita bertanya pada diri betul ke ni...adakah benda ini real. Of course it takes time to process dan saya rasa susah untuk fikir diri saya boleh terima itu.” -P2*

Penafian ini juga bukan sahaja dialami oleh ibu kepada kanak-kanak ASD malah pasangan iaitu bapa kepada kanak-kanak ASD juga terkesan.

*“Tipulah kalau saya kata saya terima anak disahkan ASD dengan hati terbuka. Saya tak terima. Antara penerimaan saya dengan suami, suami lagi teruk.” -P3*

Bentuk penafian bukan sahaja pada penerimaan malah ianya juga dari segi hak kanak-kanak ASD yang boleh diberikan kemudahan serta sokongan yang diperlukan terhalang. Penafian ini juga menunjukkan ibu menginginkan anaknya boleh pulih dan berubah seperti kanak-kanak tipikal.

*“... Doktor pakar pernah bertanya nak ke pengesahan OKU. Saya cakap biar dulu” - P4*

### **Tema 2: Sokongan pasangan**

Dapatan tema kedua adalah tema sokongan pasangan yang sedikit sebanyak boleh memberi impak kepada tekanan emosi serta mental ibu atau bapa. Di dalam konteks pendidikan awal yang boleh diberikan kepada kanak-kanak ASD, sokongan pasangan dalam menentukan pendidikan yang sesuai juga memainkan peranan yang sangat besar. Ini juga boleh terjadi kerana penafian yang dialami oleh pasangan responden menyebabkan terdapat konflik dalam sokongan pasangan yang diberikan dalam konteks pendidikan.

*“Saya sudah syak anak mungkin ASD tapi husband bukan berada dalam bidang pendidikan jadi dia ....denial dengan berkata nanti anak okey la tu... biasalah budak ada yang cepat dan ada yang lambat” - P2*

Sokongan pasangan menjadi tema yang muncul kerana ianya boleh memberikan impak negatif dalam emosi dan mental pasangan yang akhirnya menyukarkan kanak-kanak ASD menerima sokongan pendidikan ke sekolah yang bersesuaian.

*“Suami kerja tak menentu dan bila malam suami tiada. Pada saya kalau menangis depan dia pun tak berhasil, dia tidak akan bertanya khabar atau berikan kata-kata semangat. Bayangkan pertukaran sekolah suami tak buat apa-apa dan apabila suami cuti, saya yang pergi buat pertukaran sekolah ke pendidikan khas” - P3*

Selain itu, ketiadaan sokongan pasangan boleh memberikan impak dalam penentuan sekolah untuk kanak-kanak ASD. Disebabkan kesukaran memilih sekolah, kelewatan pendidikan serta intervensi awal boleh berlaku kepada kanak-kanak ASD.

*“Sebelum ini suami dan saya PJJ tinggal di negeri berlainan jadi kami susah nak tentukan sekolah mana nak dimasukkan. Sekarang apa-apa pun kami memang berbincang. Suami pun cakap nak tengok dulu sekolah (kanak-kanak ASD) macam mana.” - P4*

### **Tema 3: Pengetahuan ibu bapa**

Dapatan tema ketiga adalah pengetahuan ibu bapa. Pengetahuan ibu bapa adalah dalam mendalami topik ASD, pemikiran mereka terhadap sokongan, dan persepsi yang wujud di dalam diri mereka berkaitan dengan kanak-kanak yang mempunyai ASD. Di dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak ASD, pengetahuan ibu bapa mempengaruhi sifat keterbukaan dalam mencari sokongan yang diperlukan oleh anak mereka. Pengetahuan juga memberi impak kepada kecepatan memberikan bantuan sokongan dari sudut intervensi pendidikan yang sesuai pada kanak-kanak ASD:

*“Mula-mula kami macam tak perasan sangat pasal keadaan dia namun lepas itu baru noticed. Pada saya silap di situ.” - P4*

Terdapat ibu bapa yang telah didedahkan tentang ASD namun masih lagi mengalami pelbagai kesukaran dalam menguruskan kanak-kanak ASD :

*“... Kita dah nampak orang share awareness about the ASD tapi different people encounter different challenges from different situation and ASD itself. Takkan ada yang sama” -P2*

Pengetahuan ibu bapa yang kurang kerana tidak pernah mengalami situasi ahli keluarga menghadapi ASD yang akhirnya mereka terpaksa bergantung harap pada maklumat di dalam talian untuk mengajar kanak-kanak ASD di rumah:

*“... Keluarga belah suami dan saya tak ada ASD.... Apabila ada anak ASD ini, kena rajin-rajinkanlah cari maklumat sama ada dekat Tiktok. Sekarang, saya nak ajar dia dekat rumah pun perlu Google” -P3*

#### **Tema 4: Sikap kanak-kanak ASD**

Dapatan keempat adalah tema dari segi sikap kanak-kanak ASD. ASD boleh menunjukkan sikap yang kurang diduga dan sukar dikawal terutama semasa di tempat awam seperti di sekolah.

*“Emosi dia kita tak tahu... cara dia ambil barang dan memberontak dia lepaskan kemarahan. Risau tak boleh nak handle dia tapi boleh ke cikgu handle dia? Boleh ke cikgu hadap perangai dia?” -P3*

Selain itu, kanak-kanak ASD juga sensitif dengan stimulasi berlebihan daripada keadaan bising atau ramai orang yang boleh memberi kesan pada emosi dan akhirnya menunjukkan sikap yang sukar dikawal selain daripada kesukaran untuk masuk ke alam persekolahan sama ada tadika atau prasekolah:

*“In terms of mencabar... for now it's more on dia punya tingkah laku dan emosi kita tak boleh bawa dia ke majlis dan for him to sit in the school setting is already too much untuk dia” -P2*

Kesukaran untuk mengawal sikap kanak-kanak ASD juga menjadi salah satu sebab yang mungkin mempengaruhi keputusan pendidikan ibu bapa yang risau tentang perihai dan kebajikan anak semasa di dalam sekolah:

*“Dia lagi susah nak ditenteramkan... bila dia menangis dia mengamuk betul-betul bukan macam budak yang normal. Saya pun takut bila dia duduk kelas perdana apabila dia hendak pergi ke tandas tapi dah melalut ke mana-mana sebab cepat distracted. Cikgu pun cakap dia nak bermain-main atau kadang-kadang dia duduk seorang sahaja mengasingkan diri.” - P4*

### **5. Perbincangan**

Peningkatan kesedaran mengenai ASD ibu bapa tidak menjamin penerimaan di dalam diri mereka yang akhirnya boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk menentukan pendidikan yang sesuai dengan keperluan anak ASD. Ianya disokong oleh (Ismail et al., 2025) yang menyatakan terdapat ibu bapa yang berasa kecewa dan menyebabkan terdapat kelewatan mendapatkan bantuan yang diperlukan oleh anak ASD mereka. Implikasinya, terdapat kelewatan dalam memberikan intervensi awal kepada anak ASD dan pendidikan yang sesuai dengan ketidakupayaan. Justeru, memperbanyakkan kempen kesedaran untuk diagnosis ASD tanpa stigma selain daripada menerangkan kepentingan intervensi awal terhadap pendidikan kanak-kanak ASD pada masa hadapan perlu dipergiatkan.

Kekurangan sokongan pasangan dalam menguruskan kanak-kanak ASD turut memberi kesukaran pada ibu bapa dalam memilih pendidikan kanak-kanak ASD. Kajian oleh (Hartley et al., 2018) mendapati terdapat kesan negatif, selain daripada tingkah laku pasangan dan juga ketegangan yang boleh menjadi limpahan emosi negatif terhadap pengurusan anak ASD. Dapatan dari kajian (Hosseinpour et al., 2022) juga menyatakan seorang kanak-kanak ASD dalam keluarga boleh mengurangkan kualiti hubungan perkahwinan dan mewujudkan konflik di kalangan ahli keluarga akibat tekanan yang berkaitan mengurus serta membesarkan anak ASD. Implikasinya, ia berupaya meningkatkan tekanan emosi dan mental yang dialami ibu bapa seterusnya mempengaruhi keputusan pendidikan dibuat. Oleh itu terapi kekeluargaan perlu diberikan kepada ibu bapa apabila seseorang kanak-kanak telah didiagnos dan disahkan ASD.

Kajian Samuel et al. (2024) melaporkan bahawa ibu bapa menyalahkan diri sendiri atas keadaan kanak-kanak ASD kerana perasaan malu dan saling menuding jari kepada satu sama lain. Ianya berpunca daripada kekurangan maklumat dan pendidikan yang diterima oleh ibu bapa seperti yang dikenalpasti daripada kajian ini. Kurang pengetahuan dan kesedaran ibu bapa mengenai kanak-kanak ASD menjadi isu dalam membesarkan kanak-kanak ASD (Hosseinpour et al., 2022). Ibu bapa yang tidak mempunyai pengalaman berinteraksi dengan individu ASD atau mempunyai anak ASD menyebabkan 'cognitive dissonance' dan mereka tidak tahu bagaimana untuk mengambil langkah yang sewajarnya di dalam konteks pendidikan awal. Ianya disokong oleh (Badrul Hisam & Khairuddin, 2022) melalui dapatan yang menyatakan bahawa ibu bapa memerlukan panduan serta bimbingan dari pelbagai pihak untuk membantu mereka menentukan keputusan pendidikan kanak-kanak ASD yang mereka pilih. Implikasinya, ianya boleh mengurangkan tahap keberkesanan keupayaan untuk intervensi awal selain daripada pendidikan yang diberikan mungkin tidak sesuai dengan apa yang diperlukan oleh kanak-kanak ASD.

Sikap kanak-kanak ASD yang sukar diduga dan dikawal merupakan cabaran yang mempengaruhi keputusan yang dilakukan oleh ibu bapa. Kesukaran dalam menguruskan kanak-kanak ASD serta tanggapan kanak-kanak ASD sebagai 'menyusahkan' orang lain menyebabkan ibu bapa berasa terbeban dan risau untuk menghantar anak ASD mereka ke sekolah. Kajian (Benson et al., 2008) memberikan penekanan bahawa sikap kanak-kanak ASD boleh memberi kesan negatif dalam penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka. Sikap kanak-kanak ASD yang dilaporkan oleh pihak profesional dan guru boleh menyebabkan ibu bapa berasa dipersalahkan, sensitif dan berasa sedih dengan keadaan anak ASD mereka. Ia bertepatan dengan kajian (Deguchi et al., 2021) yang ibu bapa berasa dipersalahkan dan dinilai kerana sikap buruk kanak-kanak ASD. Implikasinya, kanak-kanak ASD boleh terhalang daripada diberi peluang pendidikan yang sewajarnya.

## **6. Kesimpulan**

Keputusan pendidikan untuk kanak-kanak ASD merupakan proses kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk halangan emosi ibu bapa seperti rasa bersalah, kekecewaan, dan tekanan akibat kekurangan sokongan sosial di samping kekurangan pengetahuan yang mencukupi tentang spektrum ASD dan cabaran mengurus tingkah laku anak yang sukar diramal. Gabungan halangan ini menyebabkan kelewatan kritikal dalam mendapatkan diagnosis dan intervensi awal, yang seterusnya membatasi akses kepada pendidikan yang sesuai dan efektif. Justeru, pendekatan holistik yang menggabungkan kempen kesedaran awam tentang ASD, menyediakan sokongan psikososial dan terapi kekeluargaan seawal fasa diagnosis, serta memperkukuh jaringan bimbingan profesional kepada ibu bapa dalam membuat keputusan pendidikan perlu dilaksanakan.

### **Batasan dan cadangan kajian**

Kajian ini menggunakan sampel bertujuan yang kecil dan sampel didapati terhad di dalam kawasan negeri Selangor. Oleh itu, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan untuk keseluruhan populasi ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak ASD di seluruh Malaysia. Kajian ini juga berbentuk kualitatif dan tidak boleh memberikan dapatan dari sudut kuantitatif dalam bentuk skala dan data prevalens. Untuk itu, cadangan agar kajian pada masa akan datang dapat dilakukan di dalam bentuk kuantitatif untuk mendapatkan data yang boleh menjadi prevalens pada populasi yang lebih besar dengan kajian di negeri lain. Kajian yang lebih tertumpu kepada perspektif bapa dicadangkan agar dapatan perspektif diperoleh lebih seimbang. Tambahan,

cadangan kajian masa akan datang dalam mendapatkan hubungan kait dan pengaruh antara tema-tema yang didapati dengan menghubungkan tema kualitatif dengan dapatan data secara inferens. Selain itu, implikasi tema boleh diterokai dengan lebih lanjut kesannya pada perkembangan kanak-kanak ASD.

### **Penghargaan**

Pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ibu bapa yang terlibat dengan kajian ini. Penghargaan juga kepada pensyarah dan Universiti Kebangsaan Malaysia di atas sokongan yang diberikan dalam melaksanakan kajian ini dari mula hingga akhir.

### **Percanggahan Kepentingan**

Pengkaji tiada percanggahan kepentingan berkaitan dengan penerbitan kajian ini. Kajian ini juga dijalankan tanpa hubungan kait dengan mana-mana pemegang taruh yang boleh menjadi percanggahan kepentingan di masa akan datang.

### **Rujukan**

- 2025 American Psychological Association. (2023). Autism Spectrum Disorder (ASD). In *APA Dictionary of Psychology*. American Psychological Association.
- Badrul Hisam, N. A. B., & Khairuddin, K. F. (2022). Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas Kategori Autisme di Sekolah Rendah: Perspektif Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001286. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1286>
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy: The exercise of control. In *Self-efficacy: The exercise of control*.
- Barik, S., Sharma, S., Pattanaik, S., & Patnaik, L. (2024). A Study on Knowledge of Autism Spectrum Disorders among a Sample Population of Odisha. *Journal of Datta Meghe Institute of Medical Sciences University*, 19(1), 51–56. [https://doi.org/10.4103/jdmimsu.jdmimsu\\_251\\_23](https://doi.org/10.4103/jdmimsu.jdmimsu_251_23)
- Benson, P., Karlof, K. L., & Siperstein, G. N. (2008). Maternal involvement in the education of young children with autism spectrum disorders. *Autism*, 12(1), 47–63. <https://doi.org/10.1177/1362361307085269>
- Creswell, J. W. (2009). *Creswell*. Sage.
- Deguchi, N. K., Asakura, T., & Omiya, T. (2021). Self-Stigma of Families of Persons with Autism Spectrum Disorder: a Scoping Review. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. <https://doi.org/10.1007/s40489-020-00228-5/Published>
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *PERSON WITH DISABILITY STATISTICS, MALAYSIA, 2023*.
- Hartley, S. L., Papp, L. M., & Bolt, D. (2018). Spillover of Marital Interactions and Parenting Stress in Families of Children With Autism Spectrum Disorder. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 47(sup1), S88–S99. <https://doi.org/10.1080/15374416.2016.1152552>
- Hasson, L., Keville, S., Gallagher, J., Onagbesan, D., & Ludlow, A. K. (2024). Inclusivity in education for autism spectrum disorders: Experiences of support from the perspective of parent/carers, school teaching staff and young people on the autism spectrum. *International Journal of Developmental Disabilities*, 70(2), 201–212. <https://doi.org/10.1080/20473869.2022.2070418>
- Hosseinpour, A., Biglarian, A., Younesi, S. J., Azkhosh, M., & Safi, M. H. (2022). Exploring Challenges and Needs of Parents Providing Care to Children with Autism Spectrum

- Disorders: A Qualitative Study. *Iranian Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 16(3). <https://doi.org/10.5812/ijpbs-127300>
- Hui, M. L., Lay, W. L., Che Ahmad, A., Ghazali, E. E., Phaik, K. T., & Sien, A. S. L. (2021). A Survey of Lay Knowledge of Autism Spectrum Disorder in Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 19(01), 49–57. <https://doi.org/10.17576/jskm-2021-1901-06>
- Ismail, N. K., Hosshan, H., Aziz, N. A., Masnan, A. H., Zali, M. M. M., Rozubi, N. C., & Little, C. (2025). Understanding challenges among young Malaysian parents of children with autism spectrum condition: A thematic analysis of in-depth interviews. *British Journal of Special Education*, 52(3), 322–330. <https://doi.org/10.1111/1467-8578.70008>
- Jaicks, C. C. D. (2024). Evaluating the Benefits of Occupational Therapy in Children With Autism Spectrum Disorder Using the Autism Behavior Checklist. *Cureus*. <https://doi.org/10.7759/cureus.64012>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Program Pendidikan Khas Integrasi*. Retrieved July 20, 2025, from <https://www.moe.gov.my/program-pendidikan-khas-integrasi>
- KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA. (2018). *LAPORAN TAHUNAN 2018*.
- Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. (2023). A Step-by-Step Process of Thematic Analysis to Develop a Conceptual Model in Qualitative Research. *International Journal of Qualitative Methods*, 22. <https://doi.org/10.1177/16094069231205789>
- Niza Shair, S., Zaki, N. R., Mohd, M. A., Nazrul, M., Amin, M., Wati, A., Abidin, Z., Ahmad, S., & Jamil, N. (2024). PREVALENCE OF AUTISM SPECTRUM DISORDER AMONG SCHOOL-AGE CHILDREN IN MALAYSIA: ANALYSIS BY AGE AND STATES. In *Malaysian Journal of Public Health Medicine 2024* (Vol. 24, Number 3).
- Salleh, N. S., Tang, L. Y., Jayanath, S., & Abdullah, K. L. (2022). An Explorative Study of Affiliate Stigma, Resilience, and Quality of Life Among Parents of Children with Autism Spectrum Disorder (ASD). *Journal of Multidisciplinary Healthcare*, 15, 2053–2066. <https://doi.org/10.2147/JMDH.S376869>
- Samuel, M., Bantu, E., & Nakalema, F. (2024). Understanding and Addressing the Impact of Parental Stress and Stigma in Raising Children with Autism Spectrum Disorder (ASD) in Low-Resource Settings. *IAA Journal of Biological Sciences*, 12(2), 56–60. <https://doi.org/10.59298/IAAJB/2024/122.566011>
- Seeridaram, A., & Mohd Rashid, S. M. (2023). The Impact of Pressure Upon Parents in Raising Children Diagnosed with Autism Spectrum Disorders. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(1). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i1/15916>
- Smith, S. L., & McQuade, H. B. (2021). Exploring the health of families with a child with autism. *Autism*, 25(5), 1203–1215. <https://doi.org/10.1177/1362361320986354>
- Suhaimi, A. H. (2021). *Pengalaman bapa dalam membesarkan anak autisme : kajian kualitatif mengenai pengetahuan, sistem sokongan, pengurusan emosi dan kewangan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- United Nations Children’s Fund, M. (2024). *Dapatan Utama Ranjau Sepanjang Jalan* (N. A. Shairi, Tran.). [www.unicef.org/malaysia](http://www.unicef.org/malaysia)
- Valderrama, A., Courcy, I., Weis-Heitner, L., & Forgeot d’Arc, B. (2020). Les enjeux de littérature dans la communication aux parents du diagnostic de trouble du spectre de l’autisme chez l’enfant. *Santé Mentale Au Québec*, 45(1), 127–145. <https://doi.org/10.7202/1070244ar>
- Vernhet, C., Michelon, C., Dellapiazza, F., Rattaz, C., Geoffray, M. M., Roeyers, H., Picot, M. C., Baghdadli, A., Baghdadli, A., Chabaux, C., Chatel, C., Cohen, D., Damville, E., Gicquel, L., Jardri, R., Maffre, T., Novo, A., Roxane, R., Oreve, M. J., ... Vespérini, S. (2022). Perceptions of parents of the impact of autism spectrum disorder on their quality

of life and correlates: comparison between mothers and fathers. *Quality of Life Research*, 31(5), 1499–1508. <https://doi.org/10.1007/s11136-021-03045-3>

Zulkefli, N. A., Mohamad Aun, N. S., & Sarnon, N. (2024). Kelesuan Melampau dan Sokongan Sosial Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Autisme. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.30>